

bukan sahaja ganjaran material tetapi juga rohani (pahala) (Wan Liz Wan Omar, 1996).

Kualiti dalam pekerjaan berhubung rapat dengan kecemerlangan kerana kualiti tersebut merupakan usaha kearah kecemerlangan. Dari sudut Islam, kecemerlangan tidak diukur cuma dari segi pertimbangan kemanusian semata-semata. Kecemerlangan ini tertakluk kepada ukuran mardhatillah, iaitu apabila kita mendapat keredaan Allah S.W.T . Maka supaya amal ibadah atau kerja seseorang muslim itu hendaknya diterima oleh Tuhan, dia mestilah mematuhi kod etika keagamaan selain dari kod etika kerja yang telah ditetapkan oleh majikannya (Sidiq Fadzil, 1992). Konsep kualiti dan kecemerlangan Islam dapat diaplikasikan ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam perkhidmatan awam seperti ATM dan koporat. Menurut Prof. Dr. Syed Othman Al-Habshi dari Institut Kefahaman Islam (IKIM), peningkatan kualiti dan produktiviti dapat dilaksanakan di antaranya ialah melalui penghayatan konsep dan nilai-nilai seperti berikut:

- Setiap perbuatan baik hendaklah disertakan dengan niat yang bersih.
- Islam menghendaki penganutnya melakukan sesuatu lebih daripada apa yang dikehendaki melalui konsep Ihsan.
- Nabi Muhammad s.a.w adalah qudwah hasanah yang 'par-excellence'. Justeru itu, melakukan tugas secara cemerlang, cekap dan mahir sudah seharusnya menjadi tanggungjawab setiap orang muslim.
- Seseorang Islam dikehendaki bermuhasabah tentang apa yang telah dilakukannya pada hari ini untuk memperbaiki apa yang akan dilakukannya keesokan harinya.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk penerokaan (exploratory) kerana sehingga kini masih belum ada kajian berbentuk saintifik dilaksanakan oleh mana-mana pihak mengenai penghayatan/penerapan dan keberkesanan

KAGAT di dalam Tentera Darat mahupun di peringkat ATM. Kajian penerokaan ini juga bertujuan untuk membuka jalan dan ruang kepada pengkaji-pengkaji di masa hadapan untuk membuat kajian susulan dengan lebih terperinci terhadap isu-isu yang lebih khusus ekoran daripada laporan yang dibentangkan di dalam kajian penerokaan ini. Justru itu, untuk mendapatkan hasil yang terbaik dalam kajian ini, metodologi kajian yang diambil adalah dengan menggunakan dua pendekatan utama iaitu melalui pengumpulan data sekunder dan data primer. Pengumpulan data sekunder dan data primer ini adalah penting demi mengukuhkan lagi keputusan hasil kajian yang dilaksanakan. Secara ringkasnya, kaedah-kaedah yang dilaksanakan bagi menyempurnakan kajian ini adalah dengan melalui proses-proses berikut:

a. Pengumpulan Data Sekunder

- Mengumpul maklumat serta data melalui pembacaan atau "literature review".


b. Pengumpulan Data Primer

- Mengadakan temubual bersemuka dengan pegawai atasan KAGAT.
- Membuat tinjauan atau 'survey' keatas responden terdiri dari anggota Tentera Darat yang dipilih.
- Membuat pemerhatian ke atas perlaksanaan aktiviti-aktiviti agama di pasukan-pasukan dalam Tentera Darat yang terpilih.

c. Penganalisaan Data

d. Persembahan Lapuran Penemuan Kajian

Aliran metodologi kajian secara keseluruhannya digambarkan melalui *Rajah 1*.




RAJAH 1 - ALIRAN METODOLOGI KESELURUHAN

3.1 Pengumpulan Data Sekunder

Pengumpulan data sekunder telah dibuat melalui pendekatan pemantapan pembacaan atau 'literature review' sebagai asas bagi memulakan kajian ini. Ianya adalah sangat perlu bagi melihat sejauh manakah penyelidikan yang telah dibuat sebelum ini di samping untuk menentukan "reliability" dan "validity" kajian ini. Literature review ini dilakukan ke atas bahan - bahan penulisan yang mempunyai hubungkait dengan tajuk kajian samada yang ditulis oleh penulis dari luar negeri maupun penulis tempatan. Bahan - bahan rujukan yang diambil adalah berupa kitab, buku, majalah, jurnal, artikel dan laporan tahunan KAGAT. Huraian berkaitan literature review dipersembahkan pada Bahagian 2 kertas kajian ini, iaitu Sorotan Karya Terdahulu. Ringkasan peringkat-peringkat pendekatan 'literature review' adalah seperti di dalam *Rajah 2*.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data Primer

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan temubual bersemuka di dalam proses pengumpulan data primer. Soal selidik ini mengandungi 34 soalan (termasuk 8 soalan profile responden) dan terdiri dari soalan-soalan berbentuk tertutup. Soal selidik yang telah dibina diedarkan kepada semua responden yang telah dipilih oleh kumpulan kajian. Mereka yang mengembalikan borang soal selidik dengan lengkap sahaja yang dianggap sebagai responden. Data mentah daripada responden inilah yang akan dianalisa dan merupakan hasil dalam kajian ini. Temubual bersemuka telah dilaksanakan terhadap beberapa pegawai atasan KAGAT bagi mendapatkan arah tuju atau wawasan KAGAT di dalam ATM. Pendapat-pendapat dan penjelasan mereka juga telah di ambil kira dalam perlaksanaan kajian ini. Kumpulan kajian juga menggunakan data sekunder bagi mana-mana yang berkaitan dengan masalah yang dikaji.



RAJAH 2 : NILAI-NILAI ISLAM DALAM BIDANG KETENTERAAN

3.2.1 Rekabentuk Soal Selidik

Dalam membina soal selidik, pengkaji telah mengambil kira soal selidik yang telah sedia ada yang telah dibuat oleh KAGAT sebelum ini

khususnya dalam menentukan tahap pengetahuan asas agama Islam responden. Walau bagaimana pun soal selidik yang dibuat oleh KAGAT ini tidak akan dianggap sebagai piawai bagi mengukur keberkesanannya nilai dalam kajian ini. Secara amnya soal selidik yang telah dibina berasaskan kepada 5 bahagian iaitu (1) aspek asas pengetahuan agama dan amalan, (2) penyertaan aktiviti agama di pasukan, (3) penghayatan nilai agama, (4) keberkesanannya peranan anggota KAGAT dan (5) profile responden. Sila lihat Kembaran A.

a. Aspek Asas Pengetahuan Agama dan Amalan

Di dalam kajian ini, kaedah yang digunakan untuk mengukur tahap asas pengetahuan agama dan amalan responden telah dibentuk berpandukan perbincangan formal dengan Pegawai Staf 1 KAGAT di Markas Pemerintahan Medan Tentera Darat dan atas pandangan dari pembimbing. Soalan-soalan yang dibentuk mengandungi dua peringkat pengetahuan asas agama responden iaitu (1) tahap pengetahuan sebelum memasuki ATM dan (2) tahap pengetahuan setelah menyertai ATM. Oleh kerana belum ada lagi suatu kaedah caramana untuk mengukur tahap penerapan nilai dan keberkesanannya tersebut, tahap pengukuran ini telah dibentuk berasaskan sistem organisasi yang terdapat di dalam sebuah batalion infantri Malaysia.

Pemilihan batalion infantri sebagai asas pengukuran, tidak bermakna rejimen ataupun skuadron yang terdapat di dalam Kor - Kor yang lain di dalam Tentera Darat atau pun di dalam Tentera Laut dan Tentera Udara tidak boleh diguna pakai, tetapi organisasi batalion infantri dapat menggambarkan dengan jelas bagaimana penerapan nilai dan keberkesanannya KAGAT dapat diukur.

Organisasi sebuah batalion infantri bermula dengan satu kumpulan kecil yang dipanggil seksyen. Satu seksyen infantri mempunyai seramai sepuluh orang anggota dan diketuai oleh seorang Koperal yang dipanggil

Ketua Seksyen dan seorang pembantu berpangkat Lans Koperal yang digelar Penolong Ketua Seksyen. Kombinasi tiga seksyen infantri akan menjadikan satu platon infantri dengan kekuatan seramai 36 orang. Pelaton infantri ini diketuai oleh seorang pegawai yang berpangkat Leftenan Muda yang dipanggil Ketua Platon dan seorang yang berpangkat Sarjan yang dipanggil Pelaton Sarjan yang berfungsi sebagai Penolong Ketua Platon.

Peringkat seterusnya dipanggil Kompeni Infantri atau dikenali juga sebagai Kompeni Raifel yang mempunyai kekuatan seramai 129 orang. Kompeni Raifel terdiri daipada tiga buah platon infantri dan sebuah Platon Bantuan. Ianya diketuai oleh seorang pegawai yang berpangkat Kapten / Mejar yang dipanggil Ketua Kompeni dan seorang penolong yang dipanggil Penolong Ketua Kompeni. Akhirnya, kombinasi empat Kompeni Raifel dan satu Kompeni Markas akan menjadikan sebuah batalion infantri dengan kekuatan seramai 28 pegawai dan 825 pangkat - pangkat lain. Batalion infantri diketuai oleh seorang pegawai berpangkat Leftenan Kolonel yang dipanggil Pegawai Memerintah dan seorang penolong berpangkat mejar yang dipanggil Penolong Pegawai Memerintah.

Dengan berpandukan organisasi yang jelas ini, maka tahap pengukuran di sesuaikan seperti berikut :

- **Di Tahap Seksyen Infantri.**

Seksyen infantri merupakan tahap di mana anggota infantri atau lebih dikenali sebagai prebet mula menceburkan diri di dalam perkhidmatan tentera. Jangkamasa seseorang prebet berada di dalam tahap ini terpulang kepada keadaan. Antaranya, taraf prestasi yang ditunjukkan oleh anggota tersebut di dalam profesyonnya, pencapaiannya di dalam kursus - kursus dan juga aspek -aspek lain seperti samada beliau mempunyai masalah disiplin atau pun tidak dan masalah kesihatan. Secara purata setiap prebet akan berada pada tahap ini antara 4 ke 6

tahun sebelum ianya dinaikkan ke pangkat Lans Koperal dan memegang jawatan Penolong Ketua Seksyen.

Seterusnya, untuk Lans Koperal dinaikkan ke pangkat Koperal dan memegang jawatan Ketua Seksyen akan ditentukan oleh beberapa kriteria. Ini termasuklah kursus - kursus kerjaya yang perlu beliau hadiri, kekosongan perjawatan dan aspek - aspek ketenteraan yang lain seperti sihat tubuh badan dan tiada masalah disiplin. Secara purata, untuk dinaikkan ke pangkat Koperal akan mengambil masa antara 7 ke 10 tahun.

Bersandarkan kepada tahun perkhidmatan ini, maka pengukuran dapat dibuat. Sebagai contoh, sekiranya seorang tentera itu mula berkhidmat pada tahun 1992, maka sebelum ia layak untuk dinaikkan ke pangkat Lans Koperal pada tahun 1996, sepatutnya ia telah dapat menguasai segala pengetahuan asas agama yang patut diketahui oleh seorang muslim bertujuan untuk Ketahanan Mental.

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia seperti yang telah dikeluarkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera, Bilangan 9 Tahun 1991(PMAT Bil. 9 Tahun1991), menerangkan pendidikan - pendidikan asas keislaman yang merangkumi perkara - perkara berikut :

- Pendidikan asas fardhu ain.
- Pendidikan asas fardhu kifayah.
- Pendidikan jihad.
- Pendidikan kekeluargaan.
- Pendidikan akhlak.
- Pendidikan kepimpinan.
- Pendidikan Al - Quran dan Sunnah.
- Pendidikan ibadah.
- Pendidikan tamaddun Islam.

- Tasawwur Islam.

PMAT Bil. 9 Tahun 1991 juga menerangkan pusat - pusat latihan, formasi - formasi dan pasukan - pasukan hendaklah diwajibkan menyediakan masa tidak kurang dai 800 jam setahun untuk membolehkan anggota - anggota di bawah perintah mereka mendapat pendidikan seperti ini. Pusat - pusat latihan Pegawai Kadet dan Rekrut adalah wajib menyediakan masa latihan selama dua minggu khusus ditumpukan kepada program pendidikan agama. Jangkamasa ini bolehlah dipecahkan sepanjang masa latihan.

Justru itu, sekiranya seorang prebet diberi pendidikan asas agama selama 3200 jam (800 jam x 4 tahun), maka adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesemua pendidikan asas yang digariskan sepatutnya telah boleh dikuasai. Ini bermakna setiap dari anggota prebet yang berada di dalam seksyen infantri mampu sekurang - kurangnya untuk menjadi bilal di dalam kelompok seksyennya dan Ketua Seksyen mereka mampu untuk menjadi imam kepada anak buahnya.

Konsep ini amatlah penting untuk difahami oleh setiap anggota tentera Muslim tidak kira apa jua pangkat sekali pun. Warga KAGAT yang selalunya terdiri dari seorang ustaz, bilal dan siak selalunya ditempatkan secara berpusat di markas - markas batalion atau formasi. Oleh itu mereka tidak mampu untuk berada pada setiap tempat di mana anggota tentera berkhidmat.

Oleh yang demikian, dengan pengetahuan asas yang sepatutnya ada pada setiap tentera Muslim ini, maka mereka mampu menangani masalah - masalah ataupun menunaikan kewajipan agama samada dari aspek fardhu ain mahu pun fardhu kifayah seperti mendirikan solat, membaca Al - Quran, tahu hukum hakam seperti halal, haram, sunat dan makruh, menjadi pemimpin kepada keluarganya dan pengetahuan asas yang lain.

- **Di Tahap Platun Infantri**

Secara konsepnya pengetahuan asas agama yang patut ada dalam diri setiap tentera Muslim di tahap platun infantri adalah sama seperti di tahap seksyen infantri. Ini adalah kerana anggota platun infantri itu sendiri adalah terdiri daripada anggota - anggota seksyen infantri. Apa yang berbeza ditahap ini adalah dari aspek pemimpin yang menerajui platun ini. Dengan mempunyai seorang pegawai yang bertauliah serta dibantu oleh seorang sarjan yang mempunyai perkhidmatan secara purata lebih dari 13 tahun, maka platun infantri seharusnya mempunyai keupayaan yang lebih dari segi pengetahuan asas agama Islam. Justru itu, pada tahap ini pemimpin memainkan peranan yang amat penting untuk menentukan setiap anggotanya mengamalkan segala pendidikan asas yang telah diperolehi.

Secara konsepnya, di tahap platun infantri bolehlah dikategorikan sebagai tahap pengukuhan ilmu. Ini bermakna segala pelajaran yang telah diajar hendaklah diimplementasikan semaksima mungkin bagi menentukan ianya kukuh dan menjadi sebatи dalam diri setiap anggota platun. Sebagai contoh, ditahap ini tugas imam akan diambil alih oleh Ketua Platun atau pun penolongnya dan tugas bilal akan dilaksanakan oleh mana - mana Ketua Seksyen di dalam platun tersebut.

Selaras dengan konsep yang berteraskan organisasi ini, maka pengetahuan dan tugas pemimpin di tahap platun menjadi lebih besar berbanding dengan seksyen infantri. Malah pada tahap ini secara keseluruhannya, platun infantri sepatutnya mampu sebagai contoh untuk menguruskan jenazah seperti bagaimana untuk memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan dan mengkebumikannya.

Konsep pengukuhan ini juga boleh diihat sama erti dengan konsep pembinaan kerohanian seperti yang terdapat di dalam PMAT Bil. 9 Tahun 1991, di mana menyatakan bahawa latihan adalah merupakan asas

kepada pembinaan spiritual setiap tentera Islam. Latihan - latihan yang wajib diamalkan dengan bimbingan daripada warga KAGAT adalah seperti berikut :

- Bacaan Al - Ma' thurat.
- Qiamullail.
- Halaqat zikir (majlis zikir).
- Tilawah Al - Quran.
- Solat - solat fardhu / sunat berjemaah.

Bacaan Al - Ma'thurat adalah menjadi asas kepada program pengukuhan kerohanian ini. Oleh itu semua tentera Muslim adalah diwajibkan mengamalkannya dengan bimbingan dari warga KAGAT pasukan.

- **Di Tahap Kompeni Raifel**

Pengukuran yang dibuat di tahap ini sama sahaja seperti ditahap platon. Bezanya cuma ditahap ini pemimpinnya mempunyai pangkat yang lebih tinggi iaitu berpangkat Mejar yang mana mempunyai perkhidmatan secara purata lebih dari 13 tahun di samping kekuatan yang bertambah dari 36 orang kepada 132 orang. Dengan pengalaman yang ada padanya, ditahap ini seharusnya beliau mampu membimbang anak - anak buahnya untuk mengikuti segala pendidikan seperti yang telah digariskan di dalam PMAT Bil. 9 Tahun 1991. Ditahap ini juga usaha - usaha untuk mengukuhkan lagi pengetahuan asas agama akan diteruskan sehingga ia menjadi sebatи di dalam diri setiap anak buahnya.

Ditahap ini Ketua Kompeni akan memainkan peranan sebagai imam kepada anak- anak buahnya. Segala hal ehwal agama sepatutnya mampu ditangani olehnya dengan bimbingan dari warga KAGAT. Pada dasarnya, tugas nya adalah lebih mudah oleh kerana beliau mempunyai ketua - ketua platon dan ketua - ketua seksyennya di bawahnya yang

secara terus membimbing anggota masing-masing. Pada tahap ini, selain dari menekankan aspek pengukuhan, ketua kompeni memainkan peranan sebagai penguatkuasa yang akan menentukan setiap anggotanya mengambil bahagian dengan aktif terhadap segala program keagamaan yang diatur oleh pasukan.

- **Di Tahap Batalion**

Warga KAGAT seperti guru agama (ustaz), bilal dan siak berada di dalam tahap ini. Mereka memainkan peranan sebagai perlaksana aktiviti agama di pasukan di samping menjadi penasihat kepada Pegawai Memerintah dari hal ehwal keagamaan. Pada tahap inilah di anggap sebagai tahap terpenting oleh kerana segala aktiviti keagamaan seperti yang dibentangkan di dalam PMAT Bil. 9 Tahun 1991 tidak akan dapat dilaksanakan sekiranya Pegawai Memerintah itu sendiri tidak komited dengan arahan yang dikeluarkan. Pengukuran yang ingin dibuat ditahap seksyen, platoon, kompeni dan batalion itu sendiri hanya akan dapat dilakukan apabila arahan terhadap PMAT Bil. 9 Tahun 1991 dikeluarkan oleh Markas Batalion.

Dengan peruntukan masa yang diberikan untuk perlaksanaan Dasar Pembinaan Kerohanian Islam selama lebih kurang 800 jam setahun, insyaAllah pengukuran dapat dibuat ke atas penerapan nilai dan keberkesanan KAGAT terhadap masyarakat tentera.

b. Aspek Penyertaan Aktiviti Agama Di Pasukan

Dalam aspek ini, responden diperlukan menjawab sejauh mana penyertaan mereka di dalam aktiviti-aktiviti keagamaan di pasukan masing-masing. Aktiviti-aktiviti agama yang terdapat dalam bahagian ini adalah aktiviti-aktiviti agama yang perlu dihadiri dan dianjurkan oleh pasukan sebagaimana yang digariskan di dalam PMAT 9/91 (lihat Kembaran C). Kaedah yang digunakan untuk mengukur tahap penyertaan

aktiviti agama di pasukan dibuat melalui soalan -soalan kepada responden. Soalan - soalan akan dibuat mengikut kaedah skala Likert daripada skala 1 hingga 5 yang mengandungi jawapan daripada 'sentiasa hadir' hingga 'tidak dianjurkan oleh pasukan'. Kaedah ini digunakan kerana ia mudah dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada responden dalam menjawab soalan - soalan. Skala Likert juga senang untuk dianalisa melalui program - program yang sedia ada seperti "Excell" dan SPSS.

c. Aspek Penghayatan Nilai Agama Islam (Akhlak Islam)

Dalam aspek ini, responden akan dinilai melalui tanggapan ataupun persepsi mereka terhadap pekerjaan (tentera) berpandukan nilai-nilai murni Islam (akhlak Islam) seperti sifat amanah, sifat bertanggungjawab, keikhlasan melaksanaan tugas dengan menjadikan kerja sebagai satu ibadah, tahap pengawasan yang dipertukar dan tahap perhubungan mereka dengan rakan sejawat dan juga dengan pegawai atasan. Responden juga dinilai dalam perhubungan dengan rakan sejawat dan perhubungan dengan pegawai atau pihak atasannya (lihat Kembaran A).

d. Aspek Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

Dalam aspek ini, soalan -soalan yang dikemukakan adalah menjurus kepada sejauh mana anggota-anggota KAGAT berjaya memainkan peranan mereka di pasukan sebagai seorang pendakwah dan juga sebagai seorang anggota tentera dari kacamata setiap responden. Peranan yang telah digariskan ialah (1) sebagai guru agama, (2) sebagai penyampai ilmu, (3) sebagai pembimbing/pendorong meningkatkan prestasi kerja, (4) menerapkan nilai-nilai murni/baik di pasukan, (5) sebagai sahabat dan (6) sejauh mana mereka mempengaruhi amalan seharian responden di pasukan. Skala yang diberikan adalah 1 hingga 5 iaitu daripada 'tidak baik' hingga 'sangat baik'.

e. Aspek Profile Responden

Dalam aspek ini, kajian juga telah mendapatkan latarbelakang responden bagi tujuan "crosstab" semasa membuat interpretasi kepada input. Setiap responden perlu memberikan profile mereka yang merangkumi beberapa soalan peribadi seperti :

- Jantina
- Umur
- Bangsa
- Pangkat
- Tahun Perkhidmatan Dalam ATM
- Tahap Kelulusan Akademik
- Tahap Pendidikan Ugama
- Taraf Perkahwinan

Secara umum, ringkasan soalan-soalan berkisar kepada pembolehubah-pemboleh ubah seperti di *Lampiran B*.

3.2.2 Temuduga

Kajian ini juga akan menemuduga beberapa tokoh penting yang memainkan peranan sebagai penggerak kepada wawasan KAGAT. Antaranya, pengkaji akan menemuduga Pengarah KAGAT yang ada sekarang. Pengkaji juga akan menemuduga pegawai - pegawai staf KAGAT yang bertugas sebagai "desk officer" di Jabatanarah KAGAT.

3.3 Kajian Perintis

Kajian perintis telah dilaksanakan di kalangan staf di Institut Pengurusan Tentera Darat di mana pengkaji sedang menuntut. Ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah soalan - soalan yang telah dibuat difahami dan menjawab

kepada keperluan pengkaji. Setelah kajian perintis ini dijalankan, beberapa penyesuaian telah dilakukan bagi memantapkan lagi soalan - soalan tersebut untuk mengurangkan ralat semasa membuat kajian dan akhirnya satu pendapat yang konklusif dan tepat dapat diperolehi.

3.4 Analisis Data Primer

Data-data kuantitatif yang diperolehi dari responden disemak, dinilai dan skor dicatit. Data kuantitatif ini dianalisis dengan menggunakan perkakasan SPSS Version 6, dan beberapa "cross tabulation" dibuat untuk mendapat keputusan kajian yang memuaskan.

3.4.1 Penganalisaan Data

Berpandukan data yang diperolehi dan maklumbalas yang diterima dari soal selidik, suatu analisis telah dibuat berdasarkan kepada tanggapan-tanggapan berikut:

- Tanggapan anggota tentera terhadap KAGAT.
- Tanggapan anggota KAGAT (Pegawai Atasan) terhadap KAGAT sendiri (Pegawai Agama/Guru Agama)
- Tanggapan Pegawai Atasan TD terhadap KAGAT.
- Tanggapan orang awam terhadap KAGAT.

3.4.2 Penjadualan

Penjadualan kajian dibentuk berdasarkan kepada hasil dari analisis data menggunakan perkakasan SPSS. Pembentangan penemuan dibuat dalam bentuk jadual yang mudah diterjemahkan dan difahami, serta dilaporkan di dalam bentuk peratusan di dalam membezakan kesemua tanggapan 4 golongan dinyatakan seperti diatas.